
Asia Tenggara Dalam Arus Gerakan Kebangsaan India: Gerakan Ghadar, 1914-1918

oleh

Azharudin Mohd Dali

PENDAHULUAN

Sejak zaman sebelum masihi lagi Asia Tenggara mempunyai hubungan yang istimewa dengan India. Hubungan ini wujud dalam bentuk politik dan kebudayaan. Ia berlangsung secara aman dan tidak dalam konteks kolonialisasi. Kewujudan kerajaan-kerajaan 'keindiaan' seperti yang terbukti dengan kemunculan kerajaan Funan, Tambralingga dan Srivijaya menunjukkan betapa India sangat berpengaruh dan mempunyai kedudukan yang istimewa dalam pembentukan tamadun dan sejarah Asia Tenggara. Perubahan masa dan zaman sebenarnya tidak langsung menggugat hubungan yang telah sedia terjalin ini, namun pada abad ke-19 dan 20 hubungan antara kedua berada dalam dimensi yang berbeza dengan suasana yang pernah berlaku pada zaman sebelumnya. Sekurang-kurangnya hubungan yang berlangsung pada abad ke-19 dan 20 ini merupakan kesan langsung dari perjalanan sejarah abad tersebut yang sangat dikenali sebagai 'zaman penguasaan Barat'. Ini bermakna hubungan yang berlaku antara Asia Tenggara dengan India telah membabitkan pihak ketiga iaitu pihak Barat, misalnya ada British dan Belanda. Keadaan ini sebenarnya merupakan

sesuatu yang agak asing dalam melihat hubungan antara kedua rantau kerana sebelum ini hubungan yang berlangsung adalah secara terus. Dalam keadaan ini, rantau Asia Tenggara telah dikenal pasti sebagai kawasan yang mempunyai kaitan erat dengan sejarah perkembangan gerakan kebangsaan India. Walau bagaimanapun, gerakan kebangsaan India yang biasa diketahui membabitkan rantau Asia Tenggara hanyalah gerakan yang dilakukan oleh Netaji Subhas Chandra Bose iaitu 'Indian National Army' (INA) semasa Perang Dunia Kedua. Sementara gerakan-gerakan sebelumnya tidak banyak diketahui. Sebenarnya sebelum INA, rantau Asia Tenggara telah sedia terbabit dalam perjalanan gerakan kebangsaan India misalnya dalam gerakan yang dilakukan oleh Parti Ghadar semasa Perang Dunia Pertama.

Zaman Perang Dunia Pertama membawa makna yang tersendiri dalam perkembangan sejarah India. Ini merupakan zaman yang penuh dengan ketegangan disebalik pembabitan sebahagian daripada ahli masyarakatnya dalam peperangan. Mereka yang dimaksudkan adalah kalangan tentera yang bertugas dalam pasukan tentera British atau dikenali sebagai Indian British Army yang berperang bagi pihak British dengan menghadapi tentera-tentera lawan. Mereka bertanggungjawab membawa bendera Union Jack misalnya di Turki dan Afrika Utara. Sewaktu kalangan tentera ini berperang bagi pihak British, terdapat segolongan nasionalis yang turut sama mengangkat senjata dan sanggup mengadai nyawa mereka, namun dengan misi yang berbeza iaitu menentang British. Kumpulan yang dikenali sebagai kumpulan ekstremis ini bersedia menghadapi segala halangan dan tentangan yang ada dihadapan mereka dalam usaha membebaskan India daripada penjajahan British. Di antara kumpulan yang penting pada masa itu adalah Kumpulan Ghadar. Menarik untuk dinyatakan betapa gerakan ini dianggap sebagai 'gerakan kiri' yang menjadikan senjata sebagai instrumen yang mencapai kejayaan dan mereka bukan sekadar bergerak cergas di India malah turut aktif dalam menyusun gerakan di luar India. Salah satu pusat gerakan mereka yang penting adalah Asia Tenggara. Secara langsung gerakan mereka di Asia Tenggara telah membawa dimensi baru dalam melihat hubungan antara rantau ini dengan India. Bermula dari tarikh ini, Asia Tenggara telah menjadi 'ibu pejabat' penting dalam arus gerakan pembebasan India.

GERAKAN KEBANGSAAN INDIA SEJAK 1905

Sepanjang sejarah penentangan British di India, gerakan kebangsaan India dapat dibahagikan kepada dua pendekatan yang berbeza. Pendekatan pertama dikenali sebagai pendekatan 'Moderate' yakni pendekatan yang percaya bahawa langkah yang terselamat dan terbaik untuk mencapai matlamat membebaskan diri daripada penjajahan adalah melalui hubungan yang baik dengan British dan melakukan perubahan berdasarkan perlembagaan. Pendekatan kedua melihat sebaliknya di mana pendekatan revolusi yang percaya bahawa untuk mencapai kebebasan mutlak daripada penjajahan British hanya salah satu cara sahaja iaitu menggunakan kekerasan. Pelbagai kaedah kekerasan harus dilakukan, diatur dan dilaksanakan dalam usaha ini. Secara langsung juga kedua pendekatan ini boleh dilihat sebagai satu bentuk pertentangan antara kaedah Machiavellian yang menyatakan bahawa, 'the ends justified the means' dengan kaedah Gandian yang percaya bahawa, 'the means would colour ends and that only just, non-violent means would lead to a just and harmonious society...'.²

Gerakan yang bersifat revolusi ini dikenali oleh pihak British sebagai gerakan ekstremis dan sangat tidak digemari oleh mereka. Gerakan ini boleh dikatakan bermula sejak tahun 1905 dan berterusan hingga tahun 1920-an. Walau bagaimanapun, harus juga dinyatakan agar tidak menimbulkan kekeliruan bahawa dalam masa yang sama, kalangan moderate yang berpendidikan Barat ini juga terus menjalankan gerakan yang sama. Ini bermakna, jangkamasa antara 1905–1920 itu bukanlah semata-mata zaman revolusi kerana kedua-dua gerakan berlangsung secara beriringan. Melihat kepada sejarah India, sebenarnya gerakan yang bersifat 'kekerasan' dan penggunaan senjata ini bukanlah satu perkara baru kerana setidak-tidaknya ia telah diasaskan sejak tahun 1857 lagi apabila berlaku peristiwa Dahagi.³ Gerakan-gerakan yang berlaku pada abad ke-20 didapati berlangsung dalam keadaan yang agresif dan sistematik terutama dari sudut perancangan, strategi dan penggunaan persenjataan.

Dekad terakhir abad ke-19 dan dekad awal ke-20 telah menyaksikan kemunculan dua elemen penting dalam sejarah gerakan kebangsaan di India. Pertama, pada tahun 1886, Kongres Kebangsaan India (Indian National Congress) telah ditubuhkan dan kedua kemunculan Bal Gangadhar Tilak (4) sebagai tokoh ekstremis yang 'pertama' cuba mempopularkan gerakan ini. Golongan ini juga dikenali sebagai golongan kiri atau golongan revolusi. Tilak telah menggunakan nama tokoh-tokoh silam seperti Shivaji sebagai instrumen

pembakar semangat kepada golongan revolusioner. Pelbagai upacara memperingati Shivaji diadakan bermula pada tahun 1894. Ketokohan Tilak turut terserap dalam INC apabila beliau turut aktif di dalamnya. Pihak British yang tidak menyenangi cara Tilak telah menangkap dan memenjarakan Tilak selama 2 tahun atas alasan terbabit dalam peristiwa pembunuhan Jeneral Afzal Khan di Bijapur serta menamatkan pengeluaran akhbar Kesari yang diasaskan oleh Tilak.⁵

Permulaan gerakan ekstremis dapat dilihat dengan penubuhan beberapa pertubuhan seperti Abhina Bharat yang diasaskan oleh V.D Sarvakar⁶ pada tahun 1904⁷ dan Jugantar Samiti dan Anushilan Samiti yang diasaskan oleh Promotha Mitter di Calcutta pada 1902. Walau bagaimanapun sebahagian besar tokoh dalam pertubuhan ini telah ditangkap oleh pihak berkuasa pada tahun 1908 termasuklah Aurobindho Ghosh kerana terbabit dalam beberapa siri pembunuhan warga kulit putih.⁸ Selain itu boleh dikatakan sebahagian besar penumpuan pertubuhan ekstremis ini adalah di Bengal sebelum menyebar ke wilayah-wilayah lain di India termasuklah United Province, Madras, Bombay dan Punjab. Pertubuhan-pertubuhan ekstremis ini menggunakan akhbar seperti *Yugantar* dan *Bande Mataram* sebagai usaha untuk menarik perhatian masyarakat agar menyokong mereka. Secara umumnya gerakan ini berjaya menimbulkan kekusaran yang teramat sangat kepada kerajaan British di India.

Kerajaan British di India mempunyai alasan yang kuat untuk merasa gelisah mengenai tindakan-tindakan golongan ekstrimis ini. Tindakan golongan ini sama ada dalam bentuk demonstrasi, penulisan yang berbentuk 'sedition' mahupun dalam bentuk yang agresif termasuklah membunuh pegawai-pegawai kerajaan dan kulit putih yang berterusan sejak tahun 1907 dirasakan mampu menggugat keamanan.⁹ Berdasarkan kepada keadaan ini, kerajaan telah mengambil tindakan yang tegas untuk menghalang gerakan-gerakan daripada semakin meluas kerana secara umumnya gerakan ini hanya bertumpu di kawasan-kawasan yang terhad sebagaimana yang disebut awalnya. Dalam masa yang sama gerakan yang berbentuk revolusioner ini sebenarnya semakin besar terutama kerana dorongan-dorongan semangat daripada peristiwa peperangan kemerdekaan Amerika, Revolusi Perancis malah kemenangan Jepun dalam peperangan Russia-Jepun dalam tahun 1904 semakin menaikkan semangat mereka. Kemenangan Jepun ini dilihat dengan mata terbuka bahawa sebuah kuasa Asia juga mampu untuk mengalahkan kuasa Eropah, malah kesedaran mereka mengenai kebebasan politik dan kekuatan kebangsaan boleh menjadi senjata utama.¹⁰

Pihak British telah melaksanakan beberapa dasar tertentu dalam usaha mereka untuk melengkapkan ancaman pihak ekstremis ini. Bermula dari tahun 1908, mereka telah meluluskan "Indian Criminal Law Amendment Act" atau lebih dikenali sebagai Akta XIV tahun 1908. Akta ini kemudiannya diikuti dengan "Explosive Substances Act of 1908", "the Newspaper Incitement to Violence Act" atau Akta VII tahun 1908 dan pada tahun 1910 pula telah meluluskan Akta Persuratkhabaran yang bertujuan menyekat penerbitan akhbar-akhbar oleh golongan ini. Dalam tahun 1911 pula telah diluluskan "Prevention of Seditious Act" atau dikenali sebagai Akta X tahun 1911. Walau bagaimanapun rangkaian akta-akta kawalan dan larangan ini tidak berhenti di situ sahaja, kerana pada tahun 1915 telah diluluskan satu akta yang sangat memberi kesan kepada gerakan golongan revolusioner di India iaitu "Defense of Indian Act, 1915". Akta ini digubal berdasarkan kepada "the Defense of the Realm Act" di Britain dan diusulkan oleh Micheal O'Dwyer yang memegang jawatan Leftenan Gabnor di Punjab dan United Province. Akta ini membolehkan pihak berkuasa menahan sesiapa sahaja yang disyaki tanpa perlu dihadapkan ke mahkamah.¹¹

Dilihat dari satu sudut, akta-akta yang telah diluluskan oleh pihak kerajaan ini telah berjaya menyekat gerakan-gerakan revolusioner di dalam negeri. Ini kerana dengan adanya akta-akta berkenaan, telah ramai pemimpin-pemimpin gerakan ini ditahan dan dipenjarakan seperti Lala Lajpat Rai yang ditangkap pada 9 Mei 1907 di Lahore, Liakat Hussain dan Abdul Ghafur ditangkap pada 12 Jun 1908 di Amritsar, Punjab. Walau bagaimanapun dilihat dari sudut yang lain, tekanan yang dikenakan oleh pihak British terhadap golongan ini telah menyebabkan gerakan revolusioner berjalan lebih hebat. T.R Sareen dalam perihal ini menyatakan bahawa tindakan kerajaan telah menyebabkan muncul dua elemen penting yang bertanggungjawab menyemarakkan gerakan ini. Pertama, pertubuhan-pertubuhan revolusioner kini telah bergerak secara tertutup dan ahli-ahlinya lebih sensitif dalam menjalankan aktiviti mereka, Kedua, tekanan-tekanan yang tinggi dalam melakukan gerakan di dalam negeri menyebabkan golongan ini mula menumpukan perhatian mereka dengan menggerakkan aktiviti mereka dari luar negeri.¹²

Kalangan revolusioner yang berada di luar inilah yang menggerakkan aktiviti-aktiviti anti-British dan mula menubuhkan pusat-pusat gerakan mereka, Antara yang penting ialah di Berlin, London, Paris dan bandar-bandar utama di Kanada dan Amerika Syarikat terutamanya di San Francisco, di negara Jepun dan negara China. Malah mereka telah mula membuat satu gerakan penentangan yang lebih

teratur. Mereka mula menjalin hubungan dengan gerakan-gerakan antarabangsa seperti dari Ireland dan Mesir. Antara tokoh-tokoh yang penting di sebalik gerakan-gerakan ini adalah Shyamji Krishna Varma yang melakukan gerakan dari Geneva dan London, Madam Cama di Paris dan V.D Sarvakar.

Dalam masa yang sama, kesan dari penghijrahan masyarakat India terutama dari Punjab ke Amerika Syarikat dan Kanada menyebabkan beberapa pusat gerakan telah ditubuhkan. Kesan daripada diskriminasi yang diterima daripada masyarakat tempatan menyebabkan masyarakat imigran ini mula menguatkan ikatan sesama mereka. Mereka mula merasakan bahawa kehinaan yang mereka rasakan daripada masyarakat tempatan itu adalah kesan dari kedudukan mereka sebagai bangsa yang terjajah. Malahan undang-undang Amerika Syarikat dan Kanada secara jelas membezakan antara masyarakat dari India dengan negara lain. Misalnya pada tahun 1910 apabila kerajaan Kanada memperkenalkan satu undang-undang imigrasi, hanya orang-orang India sahaja yang terbabit. Mereka dimestikan membayar sebanyak US\$200 untuk memasuki Kanada berbanding dengan orang Cina dan Jepun yang hanya dikenakan bayaran sebanyak US\$25 sahaja. Perasaan tidak puas hati mula muncul. Perasaan ini semakin membara dengan kehadiran golongan revolusioner ke Amerika Syarikat dan Kanada seperti S.L Joshi dan Maulvi Barkatullah. Mereka mula menubuhkan persatuan-persatuan yang asalnya hanya untuk menjaga kepentingan mereka seperti Pan-Aryan Organisation yang ditubuhkan di New York pada tahun 1906 dan pada tahun 1909 telah ditubuhkan Indo-American Club.¹³ Walau bagaimanapun, dalam persoalan politik, hanya pada tahun 1913 sahaja wujud persatuan yang benar-benar menunjukkan kesan seiring dengan penubuhan Hindi Association of the Pacific Coast atau lebih dikenali sebagai Parti Ghadar.

PARTI GHADAR

Ghadar secara literalnya bermaksud 'mutiny' atau penentangan. Terdapat permasalahan dari segi kewujudan Parti Ghadar. T.R. Sareen mengatakan ia merupakan gabungan antara Indian Association of Pacific Coast dan Hindustan Association.¹⁴ Sementara G.S Deol pula mengatakan ia merupakan sebuah organisasi yang sama dengan Hindi Hindustan Association, hanya dikenali dengan 'nama baru' sahaja.¹⁵ Selain daripada persoalan tersebut, tarikh sebenar penubuhan parti ini juga masih tidak diketahui secara tepat.¹⁶ Parti ini mempunyai pusat gerakan di San Francisco dan antara tokoh penting yang memimpin parti

ini adalah Har Dayal yang disifatkan sebagai pemimpin revolusi yang bertanggung jawab menjadikan golongan petani dan buruh yang rata-ratanya terdiri daripada orang Sikh dari Punjab di Amerika Syarikat sebagai pejuang yang bertujuan untuk membebaskan India dari cengkaman British. Parti inilah yang bertanggungjawab menjalankan gerakan Ghadar sementara anggota-anggotanya lebih dikenali sebagai Ghadarwallah. Sebagai satu langkah penting untuk mengumpulkan dan merekrut serta menyebarkan maklumat mengenai gerakan revolusinya, parti ini telah menerbitkan akhbarnya sendiri yang dinamakan *The Ghadar* pada 1 November 1913. Dalam penerbitan pertama itu ia menyatakan:

We appear today for the first time in our yellow apparel because in the history of India this is associated with the memory or martyrs and heroes. Bretheren, you also don your yellow garments and leaving aside all material comforts and luxuries, begin a fight with the British Government. The yellow robed newspaper reminds you all today that you should carry on the work of the martyrs.. follow their example and walk in their footsteps.¹⁷

Akhbar ini bukan sahaja menjadi suara rasmi parti Ghadar, namun yang lebih penting ia menjadi medium penghubung antara Ghadarwallah di Amerika Syarikat dan Kanada dengan rakan seperjuangan di lain-lain kawasan sama ada di Asia Tenggara. Asia Timur mahupun di India sendiri. Sering sahaja dalam akhbar tersebut disiarkan rencana-rencana semangat ataupun iklan-iklan yang mendesak masyarakat India berjuang bersama dalam gerakan ini. Antara yang menarik adalah sepeprti berikut:

Wanted
Fearless, courage soldiers for spreading mutiny in India
Salary: Death
Reward: Martyrdom and Freedom
Place: The Fields of India.¹⁸

Adalah penting untuk dinyatakan bahawa tidak lama selepas penubuhan parti ini di Amerika Syarikat, utusan-utusan telah dihantar keseluruh dunia di kawasan-kawasan yang mempunyai komuniti India dalam usaha menubuhkan beberapa banyak cawangan parti yang mungkin. Kewujudan komuniti masyarakat India yang begitu banyak tersebar di seluruh dunia sebenarnya membantu kepada

usaha ini. Komuniti India yang tersebar di Benua Amerika Utara terutamanya di negara Panama dan Mexico, di negara-negara Asia Tenggara seperti kepulauan Indonesia, Thailand, di Asia Timur terutama di Jepun dan China serta di benua Eropah termasuklah di Rusia telah membentuk satu jaringan lengkap yang bertujuan melicinkan perjuangan gerakan Ghadar.

Kehadiran Perang Dunia Pertama bukan sahaja menjadi kebetulan yang sangat menguntungkan kepada Ghadarwallah tetapi ia juga menjadi satu episod terpenting dalam sejarah gerakan mereka. Sekurang-kurangnya terdapat dua penanda penting yang berlangsung serentak dengan kemunculan perang ini. Pertama, keinginan dan keazaman yang begitu tinggi di kalangan Ghadarwallah untuk kembali ke India dan memulakan penentangan sebenar. Ini kerana bagi mereka, perang yang sedang berlangsung memberi kelebihan kepada mereka dan dalam pertemuan antara ketua-ketua parti pada 26 Julai 1914 mengumumkan bahawa mereka akan bergerak kembali ke India memandangkan pihak British sedang sibuk menghadapi peperangan di Eropah.¹⁹ Kedua, wujudnya satu hubungan yang baik dengan Jerman yang juga merupakan musuh utama British dalam Perang Dunia Pertama. Sejak 1912, golongan anti-British telah membuat hubungan erat dengan Jerman sebagai satu strategi menghadapi British, General Von Bernhardt, dalam karyanya *German and the Next War* yang terbit pada tahun 1912 menyatakan betapa pihak Jerman berkeinginan untuk menjalin hubungan dengan kumpulan yang dikenali sebagai Pan-Islamism dan gerakan-gerakan anti-British yang lain bagi untuk menghadapi kuasa tersebut dalam Perang Dunia Pertama.²⁰ Bagi pihak Ghadarwallah, hubungan dengan Jerman ini sangat penting terutama untuk keperluan-keperluan kewangan, senjata, peluru dan latihan ketenteraan. Bagi pihak Jerman dengan bantuan ini diharap kalangan Ghadarwallah akan mampu untuk melemahkan kedudukan British.²¹

Hasil dari perkembangan ini, bermula dari bulan Oktober 1914 beribu-ribu Ghadarwallah mula kembali ke Punjab misalnya antara 13 Oktober 1914 hingga 25 Februari 1915, seramai 2312 orang Ghadarwallah memasuki India dan jumlah ini meningkat hingga 8,000 orang pada tahun 1916.²² Selain itu, gerakan Ghadar dengan bantuan Jerman telah membahagikan rancangan mereka kepada dua bahagian. Pertama untuk merancang satu bentuk kebangkitan ketenteraan di India ataupun di luar India dengan harapan untuk melemahkan ketenteraan British dan kedua, membekalkan senjata dan keperluan sama ada melalui laut atau darat ke India. Melalui darat, tiga alternatif terpilih, pertama dari Persia dan Afganistan, kedua dari wilayah Yunnan di China sebelum

memasuki wilayah timur laut Burma dan memasuki India melalui Assam dan ketiga melalui sempadan Thailand-Burma. Walau bagaimanapun, dua alternatif terawal gagal kerana cadangan menggunakan jalan Persia-Afghanistan telah diketahui oleh British sementara melalui Yunnan pula gagal kerana laluan yang sukar.²³ Dengan ini kini hanya tinggal alternatif terakhir. Berikutan dari itu, pemimpin-pemimpin gerakan terutamanya Har Dayal dan Chattopadhyaya menggesa agar gerakan memberikan penumpuan kepada rangkaian antara Amerika Syarikat-Asia Tenggara-Bengal sebagai pilihan dan menekankan bahawa ia merupakan pilihan yang efektif. Kesan dari saranan ini, maka gerakan Ghadar telah mula menjadikan rantau Asia Tenggara sebagai pusat penting dalam aktiviti gerakannya.

GERAKAN GHADAR DI ASIA TENGGARA

Secara umumnya komuniti India di Asia Tenggara boleh dibahagikan kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama terdiri daripada mereka yang berasal dari bahagian utara India seperti orang Punjab, Sindhi, Gujrati, Bhora, Pathan dan Bengali. Kumpulan kedua pula dari bahagian selatan seperti Tamil, Telegu dan Malayalam. Sebahagian besar kumpulan Tamil berasal dari wilayah Madras dan mereka diiktiraf sebagai buruh yang menurut kata, mudah dikendalikan dan lebih penting lagi tidak mempunyai sifat agresif sebagaimana mereka yang datang dari bahagian utara terutamanya Punjabi Sikh. Oleh yang demikian apabila utusan-utusan Ghadar dari Amerika Syarikat datang ke rantau ini seperti Burma dan Tanah Melayu, biasanya mereka hanya mendapat sokongan daripada etnik bahagian utara terutamanya Punjabi dan Pathan. Sementara kumpulan dari selatan tidak terbabit dan mendiamkan diri. Keadaan ini besar kemungkinan menjadi faktor yang menyebabkan gerakan Ghadar menghadapi sambutan dingin di Tanah Melayu berbanding dengan kawasan-kawasan lain di Rantau Asia Tenggara kerana bilangan masyarakat dari selatan melebihi kumpulan yang berasal dari utara.²⁴ Jeneral Dudley Ridoaut menjadi pegawai ketenteraan di Tanah Melayu menyatakan, 'Indian revolutionary committees had practically given up all idea of doing anything in southern India as they have been informed that the people of these provinces not suitable for revolutionary purpose.'²⁴ Walau bagaimanapun masih terdapat gerakan yang dilakukan secara senyap dan kecil-kecilan di kalangan orang Sikh di Tanah Melayu. Antaranya adalah pembuangan Jagat Singh dari negeri Perlis sebanyak dua kali anantara bulan Mei

1915 dan November 1931 kerana dikatakan bergiat dalam kegiatan yang mencurigakan. Keadaan ini berkemungkinan kesan dari kehadiran Wir Singh seorang granthi dari Medan ke rumah Jagat Singh dalam tahun 1915. Wir Singh telah dikenal pasti sebagai anggota gerakan Ghadar uyang menjalankan usaha meniupkan api kebencian kepada pihak British.²⁶ Selain itu, nama Ishwar Singh yang bertugas dengan sebuah syarikat di Rengam, Johor juga dikatakan terbabit dalam gerakan Ghadar. Beliau berkata menjadi 'ringleader' yang bertanggung jawab dalam menyebarkan akhbar *The Ghadar*.²⁷ Pembabitan Gurdit Singh seorang kontraktor yang aktif di Selangor dan Singapura dalam peristiwa Kogamata Maru²⁸ turut memperlihatkan usaha orang Sikh di Tanah Melayu dalam gerakan anti-British. Peristiwa Komagata Maru ini dikaitkan dengan gerakan Ghadar apabila Gurdit Singh sendiri telah memberi ransangan dan menaikkan semangat kepada penumpang-penumpang kapal Komagata Maru semasa pelayaran dilakukan. Akhbar *The Ghadar* juga dibawa masuk apabila kapal tersebut berlabuh di pelabuhan Shanghai, Moji dan Yokohama.²⁹ Selain itu Malay States Guide (MSG) turut dipengaruhi oleh gerakan Ghadar. Pasukan yang ditubuhkan pada tahun 1895 ini mengandungi tentera-tentera yang kebanyakannya berasal dari Punjab dengan pusatnya di Taiping sebelum berpindah ke Singapura. Sejak bulan Mac 1914, pasukan ini telah dipengaruhi oleh gerakan Ghadar.²⁷ Ini jelas dapat dilihat dari kehadiran beberapa orang yang dikaitkan dengan gerakan Ghadar termasuk Baz Khan³⁰ serta seorang granthi dari Medan iaitu Wir Singh. Pada awal bulan Disember 1914, Wir Singh berada di Singapura³¹ dan dikatakan membuat hubungan dengan pasukan tentera sebelum bertolak ke Perlis menemui Jagat Singh. Pada bulan Februari 1915, "Fifth Native Light Infantry" telah melakukan pemberontakan yang hampir menawan Singapura. Malah dikatakan peristiwa ini merupakan sebahagian dari rancangan dalam hubungan antara Jerman dan gerakan anti-British seperti yang ditunjukkan dalam kehadiran ejen-ejen Jerman di Singapura. Ejen Jerman bernama Moische (Moses) Silbersteins telah secara khusus datang ke Singapura untuk menimbulkan rasa tidak puas hati pasukan tentera terhadap pemerintahan British. Setelah menyelesaikan tugasnya di Singapura, beliau meneruskan perjalanan ke India.³²

Rantau Asia Tenggara telah menjadi tumpuan masyarakat India kerana berbagai sebab. Selain faktor ekonomi yang menjadi faktor utama kehadiran mereka ke rantau ini, terdapat juga di antara masyarakat India yang menjadikan rantau Asia Tenggara sebagai batu loncatan untuk berhijrah ke kawasan lain. Ini jelas apabila meneliti kedudukan masyarakat India di Filipina. Sebagai kawasan

di bawah pemerintahan Amerika Syarikat, masyarakat India menyedari bahawa ia mampu menyediakan peluang yang besar kepada mereka untuk memasuki Amerika Syarikat. Bermula selewat-lewatnya tahun 1902, masyarakat India terutamanya Punjabi Sikh telah memasuki Filipina, Keadaan ini bertambah mudah apabila sebelum tahun 1913, mereka boleh memasuki Amerika Syarikat tanpa sebarang syarat. Namun perkara ini mula berubah apabila pihak imigresen Amerika Syarikat menetapkan syarat-syarat yang lebih ketat untuk memasuki negara tersebut.³³ Di Thailand, komuniti Punjabi kebanyakannya bertumpu di Bangkok, Chiangmai dan Phuket. Di Bangkok kebanyakannya merupakan golongan peniaga, terutamanya berkaitan dengan industri tekstil. Antara tokoh yang penting ialah Gian Singh, Nan Singh, I.S Bhagwan Singh, Bhoool Singh, Inder Singh dan Akhbal Singh Narula.³⁴ Di Chiangmai dan Phuket kebanyakan komuniti Punjabi terbabit dalam kerja-kerja perburuhan, terutama yang berkaitan dengan pembinaan landasan keretapi. Selain tiga pusat tersebut, komuniti Punjabi Sikh juga terdapat di beberapa pusat lain seperti Korat, Chengrai, Yala, Lampang, Paknompho dan Haadyai.³⁵ Di Tanah Melayu pula, kemunculan orang Sikh sangat berkait rapat dengan perkembangan yang berlaku dalam pasukan keselamatan sama ada pasukan polis atau tentera. Pihak British di Tanah Melayu mendapati bahawa orang-orang Jawa, Bugis dan Melayu tidak sesuai dijadikan pasukan tentera dan polis kerana tidak menunjukkan disiplin yang dikehendaki oleh British. Keadaan ini memberi ruang yang besar kepada orang Sikh untuk mengisi kekosongan tersebut.³⁶ Punjabi Sikh juga tersebar di kepulauan Indonesia terutamanya Pulau Jawa dan Medan. Menjelang Perang Dunia Pertama, masyarakat ini telah pun berada di seluruh rantau Asia Tenggara. Mereka boleh ditemui di Bangkok, Chiangmai, Phuket; di Tanah Melayu terutama di Kedah dan Perlis; Singapura, di Medan, Deli dan Betawi; Manila dan sebilangan kecil di Palawan, Iloilo dan Cebu. Pusat-pusat inilah kemudiannya menjadi pusat gerakan Ghadar di Asia Tenggara.

Gerakan Ghadar secara jelas dapat bertapak di Asia Tenggara bukan sahaja telah wujud komuniti Punjabi Sikh di seluruh pelusuk rantau ini, tetapi juga telah didorong oleh kewujudan gerakan revolusi yang dilakukan oleh Bengal Revolusioner.³⁶ Kumpulan ini telah menjadikan Asia Tenggara sebagai pusat gerakan penting sejak 1910. Penumpuan utama mereka adalah Burma dan Thailand malah mereka pernah menghantar utusan mereka iaitu Bholanath Chatterjee di Tanah Melayu pada tahun 1910 untuk mengembangkan gerakan ini, terutama di kalangan Punjabi Sikh di Perlis dan Pulau Pinang. Namun demikian

sambutannya di Tanah Melayu sangat tidak menggalakkan.³⁸ Berbanding dengan Tanah Melayu, gerakan ini mendapat sambutan yang agak baik di Thailand terutama kerana negara tersebut dilihat sebagai sebuah negara bebas dan ramai komuniti Punjabi di negara tersebut. Seiring dengan permulaan Perang Dunia Pertama, gerakan ini dilihat bergabung dengan gerakan Ghadar dan dengan ini menjadikan gerakan bersifat revolusioner untuk membebaskan India menjadi semakin giat menjalankan misi mereka. Gabungan ini juga menyebabkan gerakan Ghadar menjadikan sepanjang pantai Bengal sebagai pusat pendaratan bekalan penting kepada mereka.

Dalam masa yang sama, bagi gerakan Ghadar, rantau Asia Tenggara menjadi sangat penting kepada mereka kerana beberapa segi. Pertama sebagai sebuah rantau yang turut mempunyai jumlah masyarakat India yang ramai, maka mereka diharapkan dapat memberikan tumpuan kepada gerakan Ghadar untuk mewujudkan satu bentuk rangkaian yang dikenali sebagai 'Ghadar Networking' kedua di rantau ini akan berperanan sebagai 'temporary shelter' atau penginapan sementara kepada Ghadarwallah yang dalam perjalanan ke India dan ketiga, rantau ini juga akan memainkan peranan penting sebagai pusat membekalkan senjata ke India.

PENUBUHAN JARINGAN GHADAR DI ASIA TENGGARA

Salah satu perancangan terawal gerakan Ghadar yang berkaitan dengan Asia Tenggara adalah keinginan untuk menjadikan rantau ini sebagai pusat gerakan penting dalam jaringan gerakan Ghadar. Pemimpin-pemimpin Ghadar seperti Bhola Nath Chatterjee dan Kshirod Gopal Mukherjee menekankan tanpa kewujudan cawangan-cawangan Ghadar, terutamanya di Asia Tenggara, perancangan mereka untuk merangka satu gerakan yang bersepadu dan bertenaga di India akan gagal. Oleh yang demikian usaha untuk menubuhkan cawangan-cawangan Ghadar di seluruh pelusuk rantau ini menjadi prioriti penting gerakan Ghadar.³⁹

Dalam usaha untuk mewujudkan jaringan ini, dua skema telah dipilih. Pertama, utusan-utusan Ghadar akan dihantar ke seluruh negara di Asia Tenggara untuk menyebarkan kepada komuniti India mengenai kedudukan sebenar negara mereka dan mencari jalan terbaik agar komuniti ini turut sama terbabit dalam gerakan tersebut. Kedua, menyebarkan bahan-bahan mengenai gerakan Ghadar seperti akhbar *The Ghadar* dan *Jihad-I-Islam* kepada komuniti India. Bagi menjayakan skema pertama, utusan di pusat gerakan Ghadar di San Francisco

telah dihantar ke seluruh Asia Tenggara dan setiap cawangan yang akan ditubuhkan kelak akan menjadi 'jalan penghubung' yang penting kepada gerakan ini. Dalam mengambil kira penubuhan cawangan ini, ditekankan betapa ia harus didirikan di negara yang berkecuali terutama di Filipina, Indonesia atau *Dutch East Indies* dan di Thailand. Sehingga 1916, sekurang-kurangnya 150 orang utusan telah dihantar ke Asia Tenggara selain dari 5,000 orang utusan yang dihantar terus ke India. Daripada jumlah 5,000 orang tersebut, 3,000 Ghadarwallah adalah dari Amerika Syarikat dan selebihnya dari Kanada. Berdasarkan dari jumlah 150 orang Ghadarwallah yang dihantar ke Asia Tenggara, 70 orang dihantar ke Singapura, 30 orang ke Burma dan 50 orang ke Siam.⁴⁰

Hasil dari usaha ini beberapa cawangan Ghadar telah ditubuhkan. Di Manila, cawangan Ghadar telah ditubuhkan pada tahun 1914 seiring dengan kehadiran Gurudatt Kumar dari Amerika Syarikat.⁴¹ Satu pasukan telah dibentuk yang dipimpin oleh Chanam Singh dan Hafiz Abdullah. Walau bagaimanapun tempat Hafiz Abdullah telah diambil oleh Bhagwan Singh apabila beliau pergi ke Jepun pada bulan September 1914. Tidak lama kemudian, tempat Bhagwan Singh telah diambil pula oleh Dos Mohamad.⁴²

Penubuhan cawangan Ghadar di Siam dilakukan berdasarkan kepada tiga kedudukan kawasan, pertama di bahagian utara Siam dengan Chiangmai sebagai pusat.⁴³ Antara cawangan lain adalah di Chengrai dan Phre sebagai antara pemimpin cawangan utara ini adalah Chattar Singh yang menjadi granthi di Chiangmai Gurudwara. Kedua adalah di bahagian selatan dengan Phuket menjadi pusat gerakan. Cawangan lain termasuklah di Larkin, Bajol, Bandon, Lampang, Paknom, Senggora dan Rahang. Bahagian ini diketuai oleh Chanda Singh.⁴⁴ Bahagian selatan ini merupakan antara bahagian yang terpenting kerana kedudukannya yang berhampiran dengan Burma yang dipilih sebagai laluan alternatif untuk memasuki India. Selain itu di Phuket sendiri terdapat beberapa Ghadarwallah yang bergiat aktif dalam gerakan dan mempunyai pengalaman dengan tentera India (Indian Army) dan Kessar Singh dan Massa Singh yang pernah berkhidmat dalam Regimen Taiping (Taiping Regiment).⁴⁵ Bahagian ketiga adalah di Bangkok.

Di Kepulauan Indonesia beberapa cawangan Ghadar telah ditubuhkan terutamanya di Betawi (Jakarta) dan di bahagian pantai Barat Sumatera yang mempunyai komuniti India yang agak ramai. Di Medan, antara pemimpin Ghadar yang penting dan bertindak sebagai 'propagandists' adalah Saith Mohamed Cassim, Ebrahim Hj Mohamed dan Abdul Cadir Hj Hussin.⁴⁶

Gerakan Ghadar juga telah bertindak menyebarkan akhbar utama mereka iaitu *The Ghadar* ke Asia Tenggara. Ia dilakukan melalui cawangan-cawangan yang telah ditubuhkan dan biasanya dihantar menggunakan pos dari San Francisco melalui Hong Kong dan Tokyo sebelum tiba ke Manila, Betawi, Bangkok dan Sumatera. Gerakan ini percaya bahawa penyebaran akhbar ini secara meluas akan membantu kepada kejayaan gerakan, "As the voice of the Ghadar Party, the Ghadar played an important role in recruiting a new cadres for revolutionary activities".⁴⁶

Sehingga tahun 1915, akhbar *The Ghadar* tersebar secara meluas di Asia Tenggara tanpa mendapat halangan tertentu. Namun begitu pada tahun 1915, pemerintah Belanda di Indonesia telah mengharamkan pengedarannya⁴⁷ dan di atas tekanan yang diterima dari kerajaan British, kerajaan Thailand telah mengambil langkah yang sama pada tahun 1916.

By July 1916 [the] Siamese Government would inform the US Government concerning the prohibition of circulation in that country [Siam] of certain Indian seditious pamphlets posted in America and would request under Article XVI paragraph 3 of the Rome Convention of 1906 not to dispatch them into their mail.⁴⁸

Walau bagaimanapun halangan-halangan ini tidak mematikan usaha penyebaran akhbar ini malahan ia kini disebarkan dengan menggunakan pencetak tempatan. Misalnya Abdus Salam telah bertindak mencetak *The Ghadar* di Betawi sebelum diedarkan ke Singapura dan Tanah Melayu.⁴⁹ Beliau turut mendapat bantuan dari Saith Mohamed Cassim dari Surabaya. Selain itu akhbar ini turut dicetak di Rahang, Pakko dan Ban Pin di bahagian selatan Siam sebelum disebarkan ke Burma.⁵⁰

ASIA TENGGARA SEBAGAI "PERSINGGAHAN SEMENTARA" DAN "TEMPAT LATIHAN" KEPADA GHADARWALLAH.

Pada Perang Dunia Pertama, gerakan Ghadar telah bertindak dalam usahanya membebaskan India daripada penjajahan British menjadikan Asia Tenggara sebagai pusat gerakan mereka. Hal ini akan dijayakan melalui cawangan-cawangan gerakan Ghadar yang telah ditubuhkan diserata kawasan di rantau ini. Rantau Asia Tenggara juga akan menjadi 'temporary shelter' atau penginapan sementara kepada kalangan Ghadarwallah yang dalam perjalanan kembali ke

India terutamanya dari Amerika Syarikat dan Kanada. Secara umumnya, perjalanan Ghadarwallah kembali ke India ini melalui dua jalan. Pertama adalah secara terus ke India dan kedua melalui Asia Tenggara. Cara pertama adalah dengan menaiki kapal dan terus ke India. Antara kapal yang disewa termasuklah *Tosha Maru* dan *Mashima Maru*⁵¹ dan dalam perjalanan ini, sewaktu singgah di pelabuhan-pelabuhan tertentu seperti Hong Kong, Manila, Singapura, Pulau Pinang dan Rangoon, biasanya mereka akan menyanyikan lagu-lagu semangat dan mengadakan ceramah menyeru komuniti-komuniti India di pelabuhan-pelabuhan tersebut agar turut serta dalam perjuangan mereka. Selain itu dalam perjalanan ini, mereka akan menemui pasukan-pasukan tentera India (Indian troops) yang berpusat di Singapura, Pulau Pinang dan Rangoon. Misalnya sewaktu kapal singgah di pelabuhan Singapura, kalangan Ghadarwallah ini akan menemui pasukan tentera yang berpusat di Singapura dan hal yang sama berlaku di Pulau Pinang dan Rangoon. Sewaktu kapal *Tosha Maru* dan *Mashima Maru* tidak dibenarkan belayar selama beberapa hari kerana peristiwa di Sungai Budge-Budge, kalangan Ghadarwallah yang diketuai oleh Arjan Singh, Udhan Singh, Kesar Singh dan Mangal Singh telah mendarat dan menemui pasukan tentera India, malah mereka juga dikatakan menemui Gabenor Pulau Pinang, mendesak agar kapal mereka dibenarkan belayar dan jika sebaliknya mereka akan menyerang pelabuhan Pulau Pinang.⁵² Walau bagaimanapun kerana perjalanan ini bersifat "straight forward", maka kehadiran mereka biasanya telah dinantikan oleh British di pelabuhan pendaratan. Ini telah menyebabkan pemimpin mereka ditangkap termasuklah Sohan Singh Bhakna, Jwala Singh, Wasakha Singh, Udhan Singh Kasel dan Jagat Ram. Pada bulan Mac 1915 seramai 3,125 orang Ghadarwallah telah ditangkap di Calcutta dan Ludhiana.⁵³

Kegagalan ini telah memaksa gerakan Ghadar menggunakan cara kedua iaitu menggunakan Asia Tenggara sebagai 'jalan masuk' ke India. Cawangan-cawangan Ghadar di Asia Tenggara mula menjadi pusat persinggahan sementara di kalangan Ghadarwallah yang ingin memasuki India. Dari Amerika Syarikat dan Kanada, biasanya Ghadarwallah ini akan singgah di China, terutama di Shanghai sebelum meneruskan perjalanan ke Singapura atau Bangkok sama ada melalui Amoy atau Swatow. Pusat gerakan Ghadar di Bangkok mula menerima kehadiran Ghadarwallah yang besar mulai tahun 1915. Misalnya pada bulan Ogos tahun tersebut seramai 12 orang Ghadarwallah telah tiba di Amerika Syarikat dan sebahagian daripadanya telah dilabel oleh British sebagai amat dikehendaki dan merbahaya.⁵⁹ Mereka juga diminta untuk menunggu di Thailand dan

membentuk organisasi-organisasi kecil sebelum meneruskan perjalanan. Malahan semasa menanti ini, mereka juga berkesempatan untuk membuat latihan ketenteraan. Malahan terowong untuk latihan dan simpanan senjata telahpun dibina di Pakoh di bahagian Timur Laut Thailand.⁵⁵ Pusat bagi gerakan Ghadar di Bangkok bertanggungjawab menerima dan memberi layanan yang sewajarnya kepada kalangan Ghadarwallah ini. Malah satu pembahagian kerja telah dilakukan. Indar Singh bertanggungjawab dalam soal makanan, Nihal Singh pula dalam hal-hal penginapan sementara Gopal Das dan Surti pula dalam soal pengangkutan.⁵⁶

Dalam usaha memasuki India, Burma akan dijadikan pintu masuk utama. Untuk sampai ke Burma, dua jalan digunakan, pertama dengan keretapi ke bahagian Barat Laut Siam melalui Sobbouri dan terus ke Burma. Pada 10 April 1915, seramai 17 orang Ghadarwallah yang tiba dari Swatow telah menggunakan jalan ini.⁵⁷ Jalan kedua pula adalah melalui Segenting Kra dari Bangkok, Ghadarwallah ini sama ada meneruskan perjalanan secara berjalan kaki melalui Rahang dan Myawadi di Burma atau menuju ke Pulau Pinang melalui Segenting Kra dan Kelantan. Pada 29 Mac 1915, beberapa Ghadarwallah termasuklah Kapoor Singh, Honda Singh, Atta Singh dan Goqul Singh telah menaiki kapal stim *SS Yugala* dari Bangkok ke Nakhon Shitamarat. Kumpulan ini diikuti oleh seramai 12 orang Ghadarwallah menuju Nakhon Shitamarat dengan menggunakan keretapi. Pada 24 April 1915, seramai 18 orang Ghadarwallah telah berlepas dengan menaiki *SS Yugala* dari Bangkok menuju Bandon dalam perjalanan ke Burma.⁵⁸

Cawangan-cawangan Ghadar di Asia Tenggara juga telah dijadikan "Training Fields" atau pusat latihan kepada Ghadarwallah. Dengan bantuan dari ejen-ejen Jerman, kalangan Ghadarwallah yang dalam perjalanan balik ke India telah menerima latihan intensif terutama dalam soal penggunaan senjata dan membuat bom. Di sempadan antara Siam-Burma berhampiran Paknampho, seramai 6 orang pegawai tentera Jerman telah bertindak sebagai jurulatih kepada Ghadarwallah ini. Pada bulan September 1915, seorang pegawai tentera Jerman, Von Mouch telah tiba di Bangkok dalam misi mereka memberi latihan kepada Ghadarwallah.⁵⁹ Kalangan Ghadarwallah juga membuat bahan letupan dan bom di Siam. Salah seorang daripadanya ialah Thakur Singh yang bertanggungjawab membuat dan membekalkan bahan tersebut kepada Ghadarwallah.⁶⁰ Ancaman yang sangat merbahaya kepada kedudukan British di India ini telah menyebabkan E.W Tritter dan N.C Whitting sebagai Pemangku dan Timbalan Pesuruhjaya Polis

di Siam yang turut bertindak sebagai pegawai penyiasat dalam soal gerakan kebangsaan India ini telah mendesak kerajaan Thailand agar melakukan sesuatu. Menteri Luar Thailand, Putera Devawongse yang menerima tekanan daripada pihak British tekah mengambil langkah yang memberi kesan besar kepada gerakan Ghadar di Thailand. Pihak pemerintah Thailand mulai bulan Mac tahun 1915 telah melakukan penangkapan secara besar-besaran. Pada bulan Mac 1915 seramai 24 orang Ghadarwallah telah ditangkap berhampiran sempadan Burma, sementara pada 14 September tahun yang sama, 6 orang lagi ditangkap. Mereka ditahan sebelum dihantar ke Singapura. Selain itu, kerajaan Thailand kini telah memperkenalkan penggunaan paspot atau pengenalan diri kepada orang India di negara tersebut. Ia diikuti kemudiannya oleh draf baru terhadap peraturan orang India yang berada di kawasan Timur Laut. Mereka dikehendaki mendapatkan permit daripada Majlis Kerajaan atau Kao Sonan.⁶¹ Keadaan-keadaan ini telah menyebabkan gerakan Ghadar mula mencari alternatif lain. Perjalanan melalui Thailand mula dihadkan dan gerakan mereka mula dilakukan secara lebih teliti dan berhati-hati.

ASIA TENGGARA SEBAGAI PUSAT PENGUMPULAN DAN PENYEBARAN SENJATA.

Hasil dari hubungan yang dikenali sebagai 'Indo-German Collaboration' semasa Perang Dunia Pertama, pihak Jerman telah bersetuju untuk memberikan bantuan kepada kalangan revolusioner dari sudut pembekalan senjata, kewangan dan latihan ketenteraan. Walaupun pada akhirnya kesemua perancangan ini gagal mencapai matlamat utama untuk melemahkan kedudukan British, namun dalam tahap awal peperangan, hubungan ini menampakkan sesuatu yang positif kepada kedua belah pihak. Misalnya latihan ketenteraan yang dilakukan oleh pegawai tentera Jerman di Thailand ataupun urusan membekalkan senjata kepada kalangan revolusioner di India. Urusan pembekalan senjata terhadap Ghadarwallah menghadapi kesulitan tertentu, terutama sekatan dan kawalan ketat yang dilakukan oleh British di sepanjang perairan India. Keadaan ini menyebabkan kalangan Ghadarwallah terpaksa mencari jalan bagi menjayakan rancangan tersebut. Ini kerana tanpa mempunyai kelengkapan senjata yang mencukupi, amatlah sukar kepada Ghadarwallah menjalankan usaha-usaha kebangkitan sebagaimana yang dirancang di India.

Hubungan antara Ghadarwallah dengan pihak Jerman di rantau Asia Tenggara telah bermula sejak tahun 1913 terutamanya di Indonesia, Filipina dan Thailand. Di Thailand misalnya, pihak Jerman telah bersama dengan cawangan Ghadar menjalankan aktiviti-aktiviti anti-British. Antara cara yang dilakukan adalah dengan menayangkan filem-filem dokumentari mengenai peperangan mengikut pandangan Jerman.⁶² Dalam masa yang sama, telah dicapai satu persetujuan bersama antara Jerman dan parti Ghadar bahawa gerakan mereka akan bertumpu kepada tiga seksyen iaitu Persia, Bangkok dan Betawi. Setiap seksyen akan dikawal oleh German *Legation* atau Pejabat Konsular dan ia harus dikawal oleh pegawai Jerman yang mempunyai pengetahuan mengenai hal ehwal tempatan dan hubungan baik dengan kalangan revolusioner.⁶³

Setiap seksyen pula mempunyai kawasan yang tertentu. Seksyen Betawi misalnya mempunyai kawasan kawalan meliputi seluruh Kepulauan Indonesia, Burma diletakkan secara khusus di bawah kawalan Seksyen Thailand. Antara anggota yang bertanggungjawab dalam hal ini di Betawi adalah Pemangku Konsular Jeneral Jerman iaitu Windels dan Helfferich bersaudara.⁶⁴ Selain itu syarikat-syarikat Jerman yang sedia ada di rantau Asia Tenggara juga bersama-sama membantu menjayakan usaha ini. Antara syarikat yang dikenalpasti terbabit secara langsung adalah Syarikat Behn Meyer and Company. Penggunaan Jabatan Konsular Jerman ini dilakukan semata-mata untuk mendapatkan keistimewaan diplomatik terutama dalam melaksanakan hal-hal yang berkaitan dengan urusan gerakan. Dalam hal ini, urusan penghantaran surat dan maklumat antara cawangan Ghadar dilakukan melalui sistem penghantaran surat pihak diplomat Jerman. "... certain Dutch steamship playing between the DEI and Bangkok carrying the German legation mails was believed that they were usually enclosed within the Dutch Legation official beg which was generally very bulky. Majority of the Indian revolutionaries correspondence from [or to Bangkok] is sent by Dutch vessels [which do not deck at Singapore in the way to or from Batavia to Bangkok]"⁶⁵. Seksyen ini telah diserahkan satu tugas penting dalam gerakan Ghadar iaitu untuk menyelenggarakan segala urusan yang berkaitan dengan pengumpulan dan penyediaan bahawa peralatan senjata ke India. Seksyen ini bertanggungjawab untuk menyediakan pusat bagi pendaratan, penyebaran dan pengangkutan senjata-senjata ini.

Berkaitan dengan hal ini, seksyen di Betawi telah menyediakan pusat pendaratan ini di bahagian pantai timur Sumatera, di kawasan antara Sabang dengan Medan. Selain dari itu beberapa pulau kecil berhampiran Padang juga

akan diambil kira sebagai sebahagian pusat pendaratan.⁶⁶ Rancangan ini telah dijalankan oleh A. Diehn yang bertugas dengan syarikat Behn Meyer dan Abdus Salam yang sering sahaja berulang alik antara Medan, Palembang, Padang dan Betawi.

Di Thailand pula, Jerman yang mendapat kontrak mengendalikan pembinaan jalan keretapi yang menghubungkan utara dan selatan Thailand telah terbabit secara langsung dalam aktiviti ini. Jurutera Jerman bernama Eisenhofen yang bertugas di *Siamese Nothern Line* mempunyai hubungan yang sangat erat dengan Ghadarwallah yang bertugas sebagai pekerja dengan pembinaan tersebut. Malah beliau dikata orang yang bertanggungjawab terhadap kehilangan bahan-bahan letupan yang dicuri oleh anggota gerakan Ghadar.⁶⁷ Keadaan ini turut berlaku di *Southern Railway Line* di mana jurutera yang bertanggungjawab iaitu V. Doring bersama dengan pekerja-pekerja India menjalankan aktiviti anti-British.⁶⁸

Cawangan-cawangan Ghadar di Manila, Betawi dan Bangkok menjadi pusat penting dalam usaha untuk membekalkan peralatan senjata ke India. "There is no doubt that elaborate schemes were set on foot, involving the co-operation of Germans in Thailand and the Dutch East Indies".⁶⁸ Antara langkah yang akan diambil untuk menjayakan urusan ini adalah seperti berikut; peralatan senjata akan dimasukkan ke dalam kapal dari pelabuhan di Amerika Syarikat sebelum belayar menuju ke Manila sama ada secara terus atau melalui Honolulu. Setelah itu, dari Manila ia akan belayar ke pelabuhan pendaratan di Indonesia sebelum berpindah ke kapal pengangkutan yang lain dan berkemungkinan akan menggunakan bahagian pantai barat Sumatera untuk mengelakkan laluan pelayaran yang biasa digunakan iaitu antara Calcutta, Rangoon dengan Colombo sebelum pendaratan dilakukan di Bengal. Laluan inilah yang akan diambil oleh dua penghantaran senjata iaitu dengan menggunakan kapal *Maverick* dan *Henry S*.

Usaha pertama penghantaran alatan senjata ke India dilakukan dengan menggunakan kapal bernama *Maverick* dan ia turut dikenali sebagai 'The Maverick Scheme'. Ia dilakukan pada bulan Januari 1915. Sebelum perjalanan dimulakan, Narendra Patahara Bhattacharjee (aka Martin) telah dihantar ke Betawi untuk membuat penyusunan mengenai penghantaran ini. Dianggarkan di antara 7,000 hingga 14,000 pucuk rifel akan dihantar dan akan didaratkan di Chicacole, Rainagal dan Sungai Mattla di Sundarbans yang kesemuanya terletak di pantai Bengal.⁷⁰ Dari San Diego, senjata-senjata ini akan dibawa dengan

menggunakan kapal bernama *Arnie Larsen* sebelum akan dipunggahkan ke kapal *Maverick* di kepulauan Socorro di Lautan Pasifik. Kapal *Maverick* yang akan menghantar senjata tersebut ke Batavia. Walau bagaimanapun rancangan ini gagal apabila kapal *Maverick* yang sepatutnya muncul di Kepulauan Soicorro pada 20 Februari 1915 tidak muncul dan hanya sampai ke Socorro pada 23 Februari 1915, selepas kapal *Arnie Larsen* belayar.⁷¹ Ghadarwallah dan pihak Jerman akan menanti di Batavia dengan diketuai oleh E. Helfferich dan Narendra Patahara Bhattacharjee merasa kecewa dengan kegagalan ini.

Kegagalan *Maverick* tidak menghalang usaha menghantar senjata dilakukan untuk kali kedua. Kali ini ia akan dilakukan melalui Filipina di mana sebuah kapal bernama *Henry S* akan dijadikan kapal pengangkutan senjata ini, urusan pengendalian penghantaran dilakukan oleh Albert Wehde dan George Boehm, dua orang German-Amerika yang mengendalikan perniagaan barangan antik di Filipina.⁷² Mengikut perancangan, kapal ini akan belayar dari Manila ke Pontianak dan menemui seorang ejen Jerman bernama Metzger yang akan memunggah sebanyak 500 pucuk senjata ke *Henry S* sebelum belayar ke Bangkok dan Chittagong.⁷³ Walau bagaimanapun rancangan ini gagal apabila pihak kastam telah melakukan pemeriksaan dan kapal *Henry S* terpaksa belayar pada 14 Julai 1915, tanpa muatan yang sepatutnya.⁷⁴

Walaupun bagaimanapun, sebelum kegagalan kedua-dua skema utama ini, beberapa urusan penghantaran senjata dengan menggunakan *SS Djamber*, *SS Boetan* dan *SS Ternate* telah berjaya dilakukan. Kegagalan kali kedua ini serta penguatkuasaan pemeriksaan oleh pihak berkuasa Belanda di perairan Indonesia berdasarkan ordinan tahun 1908 telah menyebabkan pihak Ghadarwallah menghentikan usaha penghantaran senjata ke India. Bermula pada tahun 1916, kesan dari desakan dan tekanan yang diterima daripada kerajaan British menyebabkan pihak Belanda menguatkuasakan ordinan tersebut. Secara langsung kegagalan operasi penghantaran senjata ke India ini telah mempengaruhi keseluruhan perjalanan dan keinginan gerakan Ghadar. Tanpa senjata, kepulangan Ghadarwallah ke India adalah satu kepulangan yang kosong dan sia-sia sahaja.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Asia Tenggara telah dipilih sebagai pusat gerakan penting kepada gerakan Ghadar semasa Perang Dunia Pertama berlangsung. Kedudukan Asia Tenggara yang sangat strategik menyebabkan pemilihan ini dibuat. Dengan

adanya satu hubungan dengan Jerman sebagaimana yang disentuh dalam 'Indo-German Collaboration' menyebabkan beberapa usaha dilakukan untuk membawa masuk peralatan senjata ke India yang kemudiannya akan digunakan bagi gerakan anti-British secara besar-besaran di India dengan tujuan untuk membebaskan India daripada penjajahan British. Usaha ini tidak berjaya kerana kegagalan skema *Henry S* dan skema *Maverick*. Dalam masa yang sama, kerajaan-kerajaan yang pada awalnya memperlihatkan sikap berkecuali terhadap gerakan ini seperti Belanda di Indonesia, Thailand dan Amerika di Filipina, atas tekanan dan pengaruh yang dilakukan oleh kerajaan British telah mengubah sikap. Dasar-dasar yang berkaitan dengan imigrasi, pemeriksaan kapal dan pelayaran di perairan masing-masing telah menyekat usaha-usaha pihak Ghadarwallah. Semua ini menjadi faktor penyumbang kepada kegagalan gerakan Ghadar di India. Di India sendiri, sekatan dan penangkapan Ghadarwallah yang balik dari luar negara secara besar-besaran menyebabkan ruang untuk mereka bergerak semakin sempit. Malahan penangkapan beberapa pemimpin besar gerakan telah menjatuhkan moral mereka seperti penangkapan Sohan Singh Bhakna. Penentangan yang dilakukan di India oleh Ghadarwallah yang berjaya melepas halangan dan penangkapan juga hanya dalam skala kecil dan bersifat tempatan. Secara mudah ia dapat dihapuskan oleh pihak berkuasa. Walau bagaimanapun, dalam melihat peristiwa ini secara mendalam, setidaknya-tidaknya bolehlah dinyatakan betapa perjuangan untuk mendapatkan pembebasan diri dari penjajahan British di India itu tidak hanya bergantung kepada golongan kanan semata-mata. Usaha ini tidak hanya berdasarkan perjuangan Mahatma Ghandi, Jawaharlal Nehru dan Indian National Congress semata-mata, malah peranan dan sumbangan golongan kiri ini juga harus dilihat dan diterima sebagai usaha penting dalam usaha India mencapai kemerdekaannya. Walaupun gagal ia sebenarnya telah mencatat satu tahap perjuangan yang unik dalam sejarah gerakan kebangsaan India.

NOTA

1. Subhas Chandra Bose merupakan tokoh penting disebalik penubuhan INA. Beliau dikenali sebagai tokoh yang lantang memperjuangkan kemerdekaan India. Malahan beliau mengamalkan method yang keras dan sanggup menumpahkan darah dalam mencapai matlamatnya. Pada bulan Oktober 1943 sebagai pemimpin tertinggi INA, beliau telah mengistiharkan kemerdekaan India dan Andanan sebagai pusat kerajaan. Beliau juga pemimpin yang mempopularkan ungkapan 'Chalo Delhi' semasa Perang Dunia Kedua.
2. Antony Copley, Ghandi: *Against the Tide*, Oxford University Press, Culcutta, 1993, hlm. 1.
3. Sebenarnya kalangan sarjana masih tidak sependapat untuk mengatakan bahawa Dahagi 1857 itu sebagai satu usaha untuk memerdekakan India kerana 'semangat kesatuan' dikalangan yang terlibat masih belum kelihatan dan ia hanya dilihat sebagai satu kebangkitan Sepoy yang tidak berpuas hati sahaja. Walau bagaimanapun V.D. Sarvakar telah melihat bahawa peristiwa ini merupakan usaha pertama rakyat tempatan untuk membebaskan diri dari penjajahan. Lihat V.D. Sarvakar, "The Indian War of Independence" dlm. Ainslie T. Embree (ed.), *1857 in India: Mutiny or War of Independence?*, D.C Heath and Com., Boston, 1963, hlm. 39-45.
4. B.G. Tilak merupakan tokoh penting dalam politik India yang begitu pro-Hindu. Beliau adalah ahli kasta Chitpavan Brahman. Beliau percaya bahawa keburukan India adalah disebabkan oleh orang asing termasuklah Islam dan sangat memuja Sivaji, pemimpin Mahrata yang berjuang menentang pemerintahan Islam
5. Sumit Sarkar, *Modern India, 1885-1947*, Macmillan, New Delhi, 1983, hlm 100.
6. V.D Sarvakar merupakan tokoh nasionalis yang penting tulisannya yang merujuk peristiwa Dahagi sebagai peperangan ke arah kemerdekaan yang pertama telah membangkitkan semangat perjuangan orang India.
7. Bipan Chandra (et.al), *India's Struggle for Independence*, Penguin Book, London, 1989, hlm.144.
8. Sumit Sarkar, *Modern India.*, hlm 123-124.
Sejak tahun 1907 terlalu banyak tindakan yang dilakukan oleh golongan yang dikenali sebagai ekstremis ini. Pada 15 Februari 1907 di Lahore,

Punjab, sekumpulan pelajar telah melakukan demonstrasi yang melaung-laungkan slogan anti-British, diikuti demonstrasi di Bengal pada 24 April 1907. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai perkara ini sila lihat James Campbell Ker, *Political Trouble in India 1907-1917*, S. Ghatak, Calcutta, 1973, hlm. 410-437

9. A.C Bose. "Attempts by Indian revolutionaries at utilising Southeast Asia as a base for attack on India during the World War I", International Conference on Asian History, August 1968, hlm. 2.
10. R.J Popplewell, *Intelligence and Imperial Defense*, Frank Cass, London, 1995, hlm. 175
11. T.R. Sareen, *Select Documents on the Ghadar Party*, Mouto Publishing House, New Delhi, 1994, hlm xvii.
12. A.C Bose, "Indian Nationalist Agitation in the U.S.A and Canada till the arrival of the Har Dayal in 1911", dlm. *Journal of Indian History*, 1965, hlm. 229.
13. T.R. Sareen, *Select Documents on the Ghadar Party*, hlm. 8
14. Gurdev Singh Deol, *The Role of the Ghadar Party in the National Movement*, Steraling, Publisher, Delhi, 1969, hlm. 60.
15. Menurut Harish K. Puri, "Revolutionary Organisation: A Study of the Ghadar Movement", parti ini telah ditubuhkan pada 1 November 1913 sementara N.N Bhattacharya, "Indian Revolutionaries" Abroad 1891-1919", *Journal of Indian History*, Vol. 1, Part I, April 1972 pula mengatakan ia ditubuhkan pada 21 April 1913. Walaupun tarikh sebenar masih kabur, namun adalah pasti pada tahun 1913, parti ini telah wujud dan dikenali sebagai Ghadar Party atau Parti Ghadar.
16. FO 115/1779. "Despatch from British Consulate-General, San Francisco to A.C Ross, British Ambassador, Washington, 17 Januari 1914.
17. Ibid
18. Ibid
19. Dipetik daripada George Macmunn, *Turmoil and Tragedy in India: 1914 and After*, Jarolds Publisher, London, hlm. 116
20. Thomas G. Fraser, "Germany and Indian Revolutionary 1914-1918", dlm. *Journal of Contemporary History*, Vol. 12, No.2, April 1977, hlm 258
21. Gulcaram Singh. "Role of Sikh in the Struggle for India's Independence", dlm. *The Sikh Review*, Vol. XXXIV, No. 389, August 1986, hlm. 19

22. Thomas G. Fraser, *"Germany and Indian Revolutionary 1914-1918"*, hlm. 260
23. Dianggarkan pada tahun 1911, jumlah komuniti India di Tanah Melayu adalah seramai 270,000 orang di mana dari jumlah tersebut, 140,000 orang bekerja di ladang-ladang getah. Lihat Khoo Kay Kim, "The Beginnings of Political Extremism in Malaya 1915-1935", hlm.2
24. FO 628/32, "From Dudley Ridout, General Commanding Officer (GCO), Singapore to War Office, encl. Statement by Vincent Kraft", 8 Ogos 1915.
25. Lihat Khoo Kay Kim, "The Beginnings of Political Extremism in Malaya 1915-1935". Ph.D Thesis, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1973, hlm 22.
26. "The Indian Revolutionary Movement", dlm Khoo Kay Kim (ed.), *The History of South-East, South and East Asia: Essay and Documents*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1977, hlm. 271.
27. Komagata Maru merupakan sebuah kapal yang membawa seramai 376 orang Punjabi Sikh dari Punjab ke Kanada pada 21 Mei 1914. Walau bagaimanapun, kapal ini tidak dibenarkan berlabuh kesan dari "Canadian Immigration Act of 1910 (amended in 1911)" dan didesak untuk belayar kembali ke India. Keadaan ini menyebabkan kemudiannya berlaku peristiwa Budge-Budge yang menimbulkan semangat anti-British dikalangan masyarakat Sikh.
28. Lihat J.C Ker, *Political Trouble in India 1907-1917*, hlm. 219. Lihat juga Robert A.A Ankiah. "Senario Politik Masyarakat India antara 1910-1945 di Malaya". Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Sesi 1992/93. Hlm 23.
29. Khoo Kay Kim, "The Beginnings of Political Extremism in Malaya 1915-1935", hlm. 6
30. Baz Khan dikatakan mempunyai pengalaman menjalankan aktiviti anti-British di Mesir, China dan Rusia sebelum ke Singapura. Beliau telah ditangkap sebaik sahaja kegagalan Mutini di Singapura. Lihat Ibid., hlm. 23
31. Ibid., hlm. 22
32. Ibid., hlm. 24
33. FO 115/1908. "Memorandum by J.B Rentier, British Consulate-General, Manila to Viceroy", 11 November 1915.